



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

# Turut rangkul satu pingat perak menerusi produk makanan ringan kanak-kanak USIM raih dua emas di BIS 2014

Oleh MUHAMMAD ASYRAF AZLAN  
 pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 29 OKT.

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya meraih dua pingat emas dan satu perak dalam pertandingan inovasi antarabangsa, *British Invention Show (BIS)* di Barbican Exhibition, United Kingdom dari 22 hingga 25 Oktober lalu.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi USIM, Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanefah berkata, pelajar USIM membawa pulang *Gold Medal Award for Best Invention of the Year* dan *Special Double Gold Award* bagi produk *Novel Active Membrane for Dyes Wastewater (ANF Membran)*.

Pingat perak pula dimenangi menerusi produk *Crushy Snack Bar* yang merupakan makanan ringan untuk kanak-kanak dengan konsep mudah dimakan, kering dan senang untuk dibawa ke mana sahaja.

"Produk dihasilkan oleh USIM dapat memberi impak yang besar kepada pengguna, khususnya masyarakat Islam di peringkat global.

"Untuk langkah seterusnya kita sedang menimbang untuk mengkomersialkan kedua-dua produk ini di pasaran," katanya dalam sidang akhbar di USIM, Nilai dekat sini se-



DR. Mustafa Mohd. Hanefah (dua dari kanan) bertanyakan sesuatu kepada Riza Asma'a Saari (empat dari kiri) sambil diperhatikan oleh Nur Hidayah Hassan (tiga dari kiri) dan Nur Hafez Asyreen (kiri) serta penyelidik lain mengenai kejayaan mereka meraih dua pingat emas pada pertandingan Inovasi antarabangsa, *British Invention Show (BIS)* di United Kingdom, baru-baru ini ketika sidang akhbar di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID

malam.

Mengenai pingat emas bagi ANF Membran, Mustafa memberitahu, produk ini merupakan membran jenis baharu yang terbukti mampu

berfungsi dengan lebih baik serta wajar diaplikasi.

Jelasnya, ciptaan ini adalah cetusan idea Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Dr. Abdul

Rahman Hassan dan dibarisi oleh pelajar fakulti tersebut iaitu Riza Asma'a Saari, Nur Hidayah Hassan dan Nur Hafez Asyreen yang masing-masing berusia 22 tahun.

Dalam pada itu, Pensyarah Penasihat, Dr. Abdul Rahman Hassan berkata, terdapat syarikat penapis air dari negara berkenaan berminat dengan produk ANF Membran ini.



Produk dihasilkan oleh USIM dapat memberi impak yang besar kepada pengguna, khususnya masyarakat Islam di peringkat global."

**DR. MUSTAFA MOHD. HANEFAH**  
 Timbalan Naib Canselor  
 Penyelidikan dan Inovasi USIM

Tambahnya, produk ANF Membran ini turut mendapat pengiktirafan *Romania Inventors Forum* iaitu yang diberi kepada produk terpilih dan mempunyai potensi besar untuk dibangunkan.

"Pengiktirafan ini merupakan penghargaan untuk kreativiti dan inoasi serta produk yang mempunyai tahap kebolehgunaan dan kebolehpasaran," jelasnya.

Sementara itu, Riza Asma'a ketika ditemui berkata, apa yang menjadi cabaran buat mereka adalah untuk membentangkan projek dalam pertandingan BIS 2014 iaitu kebanyakan pembentangnya terdiri daripada pensyarah.

"Kami mesti menguasai bahasa dengan sebaiknya supaya apa yang dibentangkan tentang produk kami difahami oleh semua juri," katanya.